

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIRIL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Petronas Dagangan sebagai syarikat milik Petronas yang ulung dan wibawa dan tersenarai di bawah kaunter 'blue chip' mengalami kejatuhan harga saham yang melebar dan ketara di Bursa Saham Kuala Lumpur berbanding dengan kaunter-kaunter lain di sektor ini. Apakah faktor-faktor utama kejatuhan ini.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) ditubuhkan pada 5 Ogos 1982 dan disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia pada 8 Mac 1994. PETRONAS memiliki pegangan saham sebanyak 69.6% ke atas PDB. Teras perniagaan PDB adalah merangkumi perniagaan runcit bagi produk petroleum seperti petrol dan diesel, perniagaan komersil, *Liquefied Petroleum Gas* (LPG) dan *lubricants*. Mengikut laporan kewangan PDB pada suku tahun kedua 2014, segmen perniagaan komersil menyumbang sebanyak 48% daripada keseluruhan pendapatan PDB, manakala segmen perniagaan runcit sebanyak 44%. Segmen LPG dan *lubricants* pula masing-masing menyumbang sebanyak 6% dan 2%.

Mengenai harga pasaran saham, pada dasarnya ianya ditentukan oleh keadaan pasaran saham semasa. Faktor-faktor turun naik harga saham di pasaran adalah di luar kawalan Syarikat. Walau bagaimanapun, teras perniagaan PETRONAS Dagangan Bhd (PDB) tetap kukuh dan stabil. Laporan kewangan PDB bagi suku tahun kedua 2014 menunjukkan peningkatan di segi pendapatan sebanyak 1% dan keuntungan sebelum cukai sebanyak 12% berbanding suku tahun pertama 2014.

RM juta	Suku Tahun Pertama Mac 2014	Suku Tahun Kedua Jun 2014
Pendapatan	8,294	8,368
Keuntungan sebelum cukai	223	251

PDB juga berjaya mengekalkan kadar *Earnings Per Share* (EPS) melebihi 80 sen sesaham bagi tiga tahun berturut-turut bermula tahun kewangan 2010/2011 hingga 2013.

Disamping itu, PDB akan terus memberikan tumpuan kepada strategi-strategi jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang dengan teliti.

Sekian. Terima kasih.